

**KOMUNIKASI KELUARGA DAN PERKEMBANGAN
SOSIAL DALAM ERA DIGITAL.**

**NURUL SHAHFIQAH BINTI MOHD SHAH
(BA19110571)**



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

**FAKULTI SAINS SOSIAL DAN KEMANUSIAAN
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH**

2022.

PENGAKUAN

Saya mengaku bahawa Tesis Ijazah Sarjana ini merupakan hasil usaha dan kerja saya sendiri, melainkan petikan dan ringkasan yang setiap satunya saya telah jelaskan sumbernya.

NURUL

12 Ogos 2022

Nurul Shahfiqah Binti Mohd Shah
Ba19110571



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

PENGESAHAN


NAMA : **NURUL SHAHQIQA H BINTI MOHD SHAH**
NO.MATRIKS : **BA19110571**
TAJUK : **KOMUNIKASI KELUARGA DAN PERKEMBANGAN
SOSIAL DALAM ERA DIGITAL.**
IJAZAH : **SARJANA MUDA**
BIDANG : **KOMUNIKASI**

DISAHKAN OLEH;

1. PENYELIA UTAMA

Dr Syahrudin Bin Awg.Ahmad

TANDATANGAN



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

PENGHARGAAN

"Dengan Nama Allah Yang Maha Pemurah Lagi Maha Penyayang"

Alhamdulillah puji dan syukur kepada Allah SWT dan selawat serta salam ke atas junjungan baginda Nabi Muhammad SAW kerana atas limpah dan juga kurnia-Nya tesis ini dapat dilengkapkan serta diselesaikan dengan sepenuhnya kerana tanpa izin-Nya, tesis ini tidak akan berjaya dihasilkan dengan jayanya. Ribuan terima kasih yang tidak terhingga diucapkan kepada Dr Syahrudin Bin Awg. Ahmad selaku penyelia kajian kerana telah membimbing, menasihati serta memberi tunjuk ajar sepanjang tempoh kajian ini disiapkan. Tidak ketinggalan juga kepada semua pensyarah program Komunikasi kerana banyak memberi tunjuk ajar sepanjang tempoh pengajian peringkat Ijazah Sarjana Muda ini berlangsung.

Rasa syukur yang tidak terhingga juga di atas kasih sayang Allah SWT yang telah mengurniakan ibu iaitu Maimah Samud dan ayah iaitu Mohd Shah Bin Maulah yang tidak putus-putus mendoakan kejayaan diri dari kecil sehinggalah sekarang dan telah banyak memberi sokongan serta dorongan sepanjang tempoh pengajian saya daripada peringkat rendah sehinggalah ke peringkat Universiti. Tidak lupa juga kepada adik beradik dan juga saudara mara yang sering memberi kata-kata semangat serta dorongan dalam menyiapkan tesis ini. Sekalung penghargaan dan ribuan terima kasih juga diucapkan buat rakan-rakan karib, rakan-rakan seperjuangan program Komunikasi serta insan-insan istimewa kerana banyak memberi dorongan, tunjuk ajar, perkongsian ilmu pengetahuan serta memberi kata-kata semangat sepanjang tempoh menghasilkan tesis ini. Akhir sekali, saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan serta ribuan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat secara langsung mahupun tidak langsung dalam proses penghasilan tesis ini. Tanpa dorongan serta doa daripada semua pihak, tesis ini tidak mampu untuk diselesaikan dengan jayanya. Hanya Allah SWT sahaja yang mampu membalas segala kebaikan yang kalian berikan.

ABSTRAK.

Revolusi industri 4.0 yang semakin hari semakin berkembang khususnya dalam bidang ICT melibatkan media sosial dan teknologi yang berkembang pada hari ini memberikan pengaruh yang besar terhadap pembangunan diri golongan kanak-kanak mahupun remaja. Golongan ini didapati lebih gemar dalam menghabiskan masa dengan mengakses internet, bermain permainan video dan telefon pintar berbanding berinteraksi dengan keluarga terutama ibu-bapa sehingga perkembangan sosial turut terjejas. Hal ini telah menyebabkan kualiti komunikasi golongan remaja dengan ibu bapa mereka menjadi semakin rendah. Isu ini turut diakui oleh kebanyakan kajian lepas sama ada di dalam mahupun luar negara turut bersetuju bahawa penggunaan teknologi secara berlebihan akan menyebabkan komunikasi anak-anak dengan ibu bapa menjadi kurang berkesan sehingga wujudnya jurang komunikasi dalam keluarga dan hal ini turut membawa kesan kepada tumbesaran dengan membantutkan perkembangan sosial mereka. Selain itu, kajian ini juga bertujuan untuk menjelaskan implikasi revolusi industri 4.0 kepada kehidupan pada masa kini, langkah yang diambil oleh ahli keluarga dalam menangani masalah komunikasi dan perkembangan sosial serta mengetahui impak positif dan negatif kesan kurangnya komunikasi keluarga agar tidak mengakis hubungan kekeluargaan yang selama ini terjalin. Teori corak komunikasi keluarga digunakan dalam membincangkan pembangunan diri anak-anak dari sudut interaksi dan komunikasi dengan khalayak ramai hasil daripada kehadiran media dan teknologi. Sehubungan itu, kajian ini diharapkan dapat digunakan sebagai model rujukan remaja dan ibu bapa untuk mengatasi ancaman media dan teknologi yang kian berkembang dalam kehidupan hari ini

Kata kunci: Komunikasi, ibu bapa, remaja, media, teknologi.

ABSTRACT.

The 4.0 industrial revolution that is growing day by day especially in the field of ICT involving social media and technology that is developing today has a great influence on the self-development of children and teenagers. This group was found to be more fond of spending time accessing the internet, playing video games and smartphones than interacting with family, especially parents, so that social development is also affected. This has caused the quality of communication between teenagers and their parents to become lower. This issue is also recognized by most past studies whether in or outside the country also agree that the excessive use of technology will cause children's communication with parents to become less effective so that there is a communication gap in the family and this also has an impact on growth by stunting their social development. In addition, this study also aims to explain the implications of the industrial revolution 4.0 to life today, the steps taken by family members in dealing with social development and communication problems and to know the positive and negative impact of the lack of family communication in order not to erode the family ties that have been intertwined. The theory of family communication patterns is used in discussing children's self-development from the perspective of interaction and communication with the public as a result of the presence of media and technology. Accordingly, this study is expected to be used as a reference model for teenagers and parents to overcome the growing threat of media and technology in today's life.

Keywords: Communication, parents, teenagers, media, technology.

SENARAI KANDUNGAN:

TAJUK		i.
PENGAKUAN		ii.
PENGESAHAN		iii.
PENGHARGAAN		iv.
ABSTRAK		v.
ABSTRACT		vi.
SENARAI LAMPIRAN		62-68
BIL	BAB 1: PENDAHULUAN	
1.1	PENDGENALAN	1-3
1.2	PERNYATAAN MASALAH	4-6
1.3	PERSOALAN KAJIAN	7
1.4	OBJEKTIF KAJIAN	8
1.5	SIGNIFIKAN KAJIAN	9
1.6	SKOP KAJIAN	10
1.7	KESIMPULAN	11
	BAB 2: SOROTAN LITERATUR	
2.1	PENGENALAN	12
2.2	SEJARAH PERKEMBANGAN TEORI	12-13
2.3	TINJAUAN KAJIAN LEPAS	14-16
2.4	MODEL KAJIAN	17
	-RAJAH 2.4.1: MODEL KAJIAN	18
2.5	KERANGKA KONSEPTUAL KAJIAN	19
	- RAJAH 2.5.2: KERANGKA KONSEPTUAL KAJIAN	19
2.6	KESIMPULAN	20
	BAB 3: KAEDAH KAJIAN	
3.1	PENGENALAN	21
3.2	POPULASI DAN SAMPEL	21-22
3.3	TATACARA PENGUMPULAN DATA	23
3.4	INSTRUMEN KAJIAN	24
3.5	KEBOLEHPERCAYAAN DAN KESAHIHAN	25-27
3.6	KESIMPULAN	28
	BAB 4: HASIL KAJIAN	

4.1	PENGENALAN	29
4.2	ANALISIS SOAL SELIDIK RESPONDEN.	29
	-4.2.1 MAKLUMAT PROFIL RESPONDEN	30-33
	-4.2.2 IMPLIKASI REVOLUSI INDUSTRI 4.0 KEPADA KEHIDUPAN PADA MASA KINI.	34-40
	-4.2.3 LANGKAH YANG DIAMBIL OLEH AHLI KELUARGA DALAM MENANGANI MASALAH KOMUNIKASI DAN PERKEMBANGAN SOSIAL KANAK-KANAK DAN GOLOGAN REMAJA DALAM MENEMPUH ERA DIGITAL.	41-47
	-4.2.4 MENGENAL PASTI IMPAK POSITIF DAN NEGATIF KURANGNYA KOMUNIKASI KELUARGA DAN PERKEMBANGAN SOSIAL KANAK-KANAK DAN GOLOGAN REMAJA.	47- 52
4.4	KESIMPULAN	53
	BAB 5: PERBINCANGAN DAN GENERALISASI	
5.1	PENGENALAN	54
5.2	PERBINCANGAN PENEMUAN	55
5.3	BATASAN KAJIAN	56
5.4	CADANGAN KAJIAN DI MASA AKAN DATANG	57-58
5.5	KESIMPULAN	59
	RUJUKAN	60-61

BAB 1:

PENDAHULUAN

1.1 PENGENALAN.

Kewujudan komunikasi media merupakan sebuah bentuk kemajuan teknologi yang boleh kita lihat perkembangannya, di mana teknologi ini semakin hari semakin sering digunakan dalam kehidupan seharian. Keadaan ini memperlihatkan kita bahawa negara kita juga mampu mencapai kemajuan dari segi teknologi sejajar dengan pelan pembangunan revolusi industri 4.0 sebagai satu usaha dalam meningkatkan kemajuan dalam bidang teknologi di dalam negara. Hal ini kerana, kini revolusi industri 4.0 semakin berkembang di seluruh dunia dimana perkara ini memerlukan semua pihak harus bertindak pantas seiring dengan pembangunan yang pesat dalam sistem teknologi.

Menurut Morrar, Aman dan Mouse (2017) revolusi industri 4.0 ini merupakan sebuah revolusi dari segi digital yang merujuk kepada pembangunan teknologi di dalam sesebuah industri khususnya melibatkan sektor pengeluaran dan automasi ke tahap yang lebih teratur dan sistemetik. Dimana perkembangan ini sudah tentu memberi corak baru kepada kehidupan manusia dan sedikit sebanyak telah mengubah cara kehidupan manusia. Hal ini kerana, perkembangan yang melibatkan penggunaan mesin, gajet seperti telefon pintar, laptop dan kemuculan robot dalam sistem teknologi ini dapat membantu manusia dalam menyelesaikan pekerjaan dengan lebih mudah. Malahan teknologi ini sudah menjadi sebahagian daripada benda yang penting dan harus ada dalam kehidupan manusia. Akibat daripada kemajuan industri 4.0 ini telah menyebabkan peningkatan teknologi dari segi penggunaan komunikasi media tidak asing lagi digunakan oleh setiap lapisan masyarakat di negara kita. Maka tidak hairanlah jika mereka hanya menghabiskan masa dengan melayari media, lebih-lebih dengan keadaan sekarang yang memang mengharuskan kita membuat sesuatu pekerjaan hanya melalui daripada rumah sahaja.

Sedar tidak sedar semakin hari penggunaan media sosial dan teknologi yang semakin berkembang pada ketika ini didapati telah memberikan pengaruh yang besar dalam kehidupan khususnya kepada golongan kanak-kanak mahupun golongan remaja. Dimana golongan ini lebih berminat menghabiskan masa dengan melayari internet, bermain permainan video dan telefon pintar berbanding berinteraksi bersama ahli keluarga terutamanya kepada ibu dan bapa. Kecenderungan mereka menggunakan

media juga telah menyebabkan kualiti komunikasi golongan remaja bersama keluarga menjadi semakin rendah. Kelalaian mereka ini menyebabkan mereka lebih suka mengasingkan diri daripada berinteraksi bersama ahli keluarga yang lain. Malahan perkara ini telah dinyatakan oleh Fauziah Hanim (2013), yang mana, penggunaan media sosial melalui gajet kepada kanak-kanak dan golongan remaja menghalang kecergasan interpersonal, iaitu hubungan interaksi sesama manusia serta menyebabkan kurangnya komunikasi dengan orang-orang sekeliling.

Di dalam situasi seperti ini sudah pasti ibu bapa adalah individu yang sangat penting dalam mencegah perkara ini daripada terus berlaku. Yang mana sebagai ibu bapa yang bertanggungjawab sudah pasti mempunyai peranan yang sangat besar untuk mencorakkan kehidupan kanak-kanak mereka ke arah yang lebih baik. Peranan ibu bapa bukan sahaja menerapkan nilai-nilai murni dalam kehidupan kanak-kanak malahan perkembangan sosial serta kesihatan mereka juga adalah satu perkara yang amat penting dalam tumbuhseran kanak-kanak. Perkara ini turut disokong oleh Mac Iver (1967), menyatakan bahawa hubungan di antara ibu bapa dengan anak-anak adalah sangat penting bagi menentukan perkembangan psikososial anak-anak yang sihat. Hal ini kerana, kita melihat bahawa kanak-kanak lebih suka menghabiskan masa dengan bermain peranti teknologi maklumat daripada meluangkan waktu bersama rakan-rakannya serta keluarga.

Bagi mengelakkan perkara itu terjadi sebagai ibu bapa yang bertanggungjawab perlulah memainkan peranan dengan menghadkan waktu penggunaan gajet iaitu telefon pintar dan menggantikan waktu dengan melakukan hal-hal yang berfaedah. Kesannya, anak-anak akan lebih patuh kepada arahan ibu bapa dan sudah pasti akan menggunakan peluang bermain telefon pintar dengan sebaiknya. Keadaan ini juga sudah pasti akan menyebabkan anak-anak akan lebih menghargai waktu semasa penggunaan telefon pintar dengan menggunakannya hanya untuk mencari sumber rujukan dalam internet mengenai pelajaran di sekolah. Hal ini kerana menurut Khairunnisa (2016) penggunaan gajet seharusnya tidak boleh melebihi 2 jam dan seharusnya ibu bapa perlu duduk bersama anak-anak terutama, kanak-kanak diusia bawah lima tahun bagi mengelakkan kebergantungan terhadap gajet.

Oleh hal yang demikian, telefon pintar akan memberikan kesan yang positif kepada anak-anak dan ibu bapa kerana mereka tidak perlu lagi mengeluarkan kos untuk membeli buku sebagai bahan rujukan tetapi sebaliknya hanya mencari di hujung jari. Dalam masa yang sama, ibu bapa juga perlulah bertindak lebih tegas

dengan menegur setiap kelakuan kanak-kanak atau golongan remaja jika terlalu lama menghabiskan waktu dengan menggunakan media sosial.



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

1.2 PERMASALAHAN KAJIAN.

Kedatangan revolusi 4.0 di negara ini telah membawa pelbagai peluang yang mampu dimanfaatkan oleh semua pihak khususnya dalam kewujudan teknologi baru serta membawa kualiti kehidupan manusia ke arah yang lebih baik lagi. Perkembangan teknologi di negara kita sudah pasti telah membawa kepada perubahan yang amat besar dalam kehidupan setiap lapisan masyarakat. Antara kecanggihan teknologi yang semakin pesat membangun di negara kita yang jelas dilihat adalah dalam bidang ICT. Perkara ini disokong oleh Nor Azah (2013) bahawa ledakan teknologi pada hari ini telah membawa perubahan yang amat besar dalam kehidupan setiap lapisan masyarakat di negara kita. Sehingga perkara ini telah menjadi salah satu penyebab terjejasnya perkembangan sosial kanak-kanak mahupun remaja. Hal ini terbukti apabila Nor Azah (2013) juga ada menyatakan bahawa, hari ini penggunaan gajet boleh dimiliki oleh setiap lapisan peringkat umur, taraf ekonomi dan juga bangsa. Dalam masa yang sama jika dilihat melalui persekitaran kita di mana kanak-kanak seawal setahun sudah mulai diberikan kebebasan oleh ibu bapa untuk bermain telefon pintar ataupun tablet.

Menurut Farah Aziz (2020), hasil pakar pendidikan kanak-kanak di Michael Cohen Group mendapati seramai 60 peratus daripada ibu bapa yang mempunyai anak berusia 12 tahun sering menggunakan gajet, yang mana 30 peratus adalah sangat kerap menggunakannya, dan 36 peratus lagi adalah daripada kanak-kanak yang memiliki gajet mereka sendiri. Namun, terdapat segelintir ibu bapa yang mungkin masih tidak mengetahui kesan jangka masa panjang terhadap penggunaan gajet secara berlebihan dalam kalangan kanak-kanak mahupun remaja sehingga memberikan kebebasan dengan memberikan gejat kepada anak-anak sebagai pengganti mereka.

Sebagai ibu bapa yang bertanggungjawab sudah pasti mereka mahukan yang terbaik dalam tumbesaran anak-anak dalam jangka waktu yang lebih panjang. Sikap anak-anak yang suka menghabiskan masa dalam melayari internet ini sebenarnya mampu di dikawal sekiranya ibu-bapa lebih peka terhadap aktiviti seharian anak-anak mereka. Hal ini kerana, menurut Unicef (2017) mendapati bahawa kanak-kanak yang telah menginjak remaja merupakan antara pengguna internet yang aktif. Keadaan ini menyebabkan ibu-bapa perlu melibatkan diri secara langsung bagi mengawasi, memerhati dan memberikan tunjuk ajar mengenai keselamatan

sepanjang melayari internet. Isu ini juga selaras dengan pernyataan yang dinyatakan oleh United Nations iaitu *The Declaration of Children's Rights* yang banyak memetik perkara berkaitan tanggungjawab ibu bapa dalam memberi arahan, membimbing, memberi garis panduan dan mengawasi kanak-kanak ataupun remaja tentang penggunaan teknologi ICT di rumah mahupun di sekolah sehingga mereka layak untuk berdikari pada usia 18 tahun ke atas.

Tidak mampu dinafikan perkembangan teknologi didapati telah memberikan lebih banyak impak negatif berbanding impak positif terhadap masa bersama dan komunikasi keluarga mulai terjejas. Hal ini kerana, Nie *et. al* (2002) menyatakan bahawa penggunaan internet yang terlalu lama akan mengambil waktu yang panjang sehingga mampu menjejaskan waktu bersama keluarga dan akhirnya memberikan impak yang negatif terhadap hubungan komunikasi dalam sebuah keluarga yang mempunyai ikatan erat sesama ahli keluarga.

Selain itu, penggunaan media sosial yang berlebihan telah didapati membawa kesan negatif kepada kurangnya interaksi kanak-kanak atau golongan remaja kepada ahli keluarga. Yang mana peranti teknologi maklumat mampu membantutkan perkembangan sosial kanak-kanak. Permasalahan ini boleh berlaku apabila kanak-kanak tersebut terlalu didedahkan dengan permainan digital tanpa pengawasan dan kawalan. Menurut Nquiah *et. al* (2017) penggunaan gajet yang berlebihan berpotensi untuk mengganggu waktu tidur kanak-kanak dan remaja. Ini kerana, Setiap hari seorang kanak-kanak memerlukan sekurang-kurangnya 12 jam waktu tidur dalam sehari untuk memastikan mereka dapat membesar dengan sihat. Karow. E (2014) juga ada menyatakan dalam kajiannya bahawa 75 peratus kanak-kanak tidak mendapat tidur yang cukup disebabkan oleh penggunaan gajet elektronik dan hal ini didapati telah mengganggu proses tumbesaran kanak-kanak serta menjejaskan perkembangan mereka.

Seterusnya, menurut kajian daripada Salmah Omar dan Malisah Latip (2015) keadaan ini berlaku akibat daripada ibu bapa yang terlalu sibuk. Yang mana mereka menggunakan peranti teknologi maklumat ini sebagai alat pemujuk kanak-kanak agar tidak mengganggu perkerjaan mereka. Ibu bapa tidak mempunyai masa untuk memantau aktiviti serta berinteraksi untuk bertanya keadaan kanak-kanak semasa bermain peranti teknologi sehinggakan memberikan kebebasan tanpa sebarang peraturan yang perlu dituriti oleh anak-anak mereka. Keadaan ini menyebabkan kanak-kanak lebih gemar bermain peranti teknologi kerana mempunyai pelbagai hiburan tanpa memikirkan keadaan sekelilingnya. Sedar tidak sedar keadaan ini telah

menyebabkan kurangnya interaksi daripada ahli keluarga khususnya ibu bapa sehingga membawa kepada kurangnya komunikasi keluarga serta menjejaskan perkembangan sosial kanak-kanak dan remaja.



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

1.3 PERSOALAN KAJIAN

- I.** Apakah implikasi revolusi industri 4.0 kepada kehidupan pada masa kini?

- II.** Apakah langkah yang diambil oleh ahli keluarga dalam menangani masalah komunikasi dan perkembangan sosial kanak-kanak dan remaja dalam menempuh era digital.

- III.** Apakah impak positif dan negatif kesan kurangnya komunikasi keluarga dan perkembangan sosial dalam era digital.



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

1.3 OBJEKTIF KAJIAN.

- I. Untuk mengetahui implikasi revolusi industri 4.0 kepada kehidupan keluarga pada masa kini.
- II. Untuk mengetahui langkah yang diambil oleh ahli keluarga dalam menangani masalah komunikasi dan perkembangan sosial kanak-kanak dan golongan remaja dalam menempuhi era digital.
- III. Untuk mengenal pasti impak positif dan negatif kurangnya komunikasi keluarga dan perkembangan sosial dalam era digital.



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

1.4 SIGNIFIKAN KAJIAN.

Perkembangan teknologi khususnya media sosial yang kini telah banyak merealisasikan impian setiap masyarakat ke arah kehidupan yang lebih moden sudah pasti sedikit sebanyak membawa perubahan dalam aktiviti seharian mereka. Kemajuan dalam bidang teknologi ini juga membuatkan kegunaannya begitu penting dalam kehidupan seharian manusia terutamanya dalam kalangan remaja termasuklah kanak-kanak pada masa kini. Menurut A.Razak Ahmad (2011) kini hampir setiap saat orang menggunakan teknologi sehingga menyebabkan kita boleh menguasai dan mengawal hampir setiap perkara hanya dari hujung jari sahaja. Yang mana, teknologi ini sudah pasti memudahkan mereka dalam perkongsian maklumat serta banyak membantu memudahkan pencarian sumber maklumat tambahan dalam bidang pembelajaran. Namun begitu, kebebasan yang diberikan untuk menggunakan peranti teknologi seperti gajet telah menyebabkan kanak-kanak khususnya gemar menghabiskan masa dengan bermain telefon pintar sehinggakan kurang berinteraksi dengan individu yang berada di sekelilingnya.

Justeru itu, keadaan ini telah menimbulkan kebimbangan kepada setiap ibu bapa terhadap perkembangan sosial kanak-kanak mereka dalam menumpuh kepesatan perkembangan era digital pada masa kini. Hal ini dikatakan demikian kerana, perkembangan teknologi yang berlaku dalam kehidupan kita pada hari ini menyebabkan kurangnya komunikasi lisan dalam ahli keluarga kerana kesibukan masing-masing dalam melayari internet. Ini terbukti apabila Chassiakos *et. al* (2016) menyatakan bahawa penggunaan media sosial dan internet dalam kalangan remaja dan kanak-kanak kian meningkat sejak kebelakangan akibat daripada penggunaan telefon pintar yang berlebihan. Keadaan ini menyebabkan Ibu-bapa semakin sukar untuk mengawal aktiviti kanak-kanak semasa menggunakan peranti teknologi maklumat. Dengan itu sebagai ibu bapa yang bertanggungjawab diharapkan mampu memainkan peranan yang penting dalam memastikan media sosial dan teknologi yang hadir dalam kehidupan kanak-kanak serta golongan remaja tidak mengganggu proses perkembangan sosial dalam kehidupan mereka kerana perkembangan ini dipengaruhi daripada hasil komunikasi mereka dengan persekitaran sekeliling.

1.5 SKOP KAJIAN.

Skop kajian merupakan batasan kajian yang menjelaskan mengenai had ataupun batasan kajian. Dalam kajian ini, pengkaji telah membataskan kajian kepada beberapa perkara tertentu berdasarkan fakta dan juga pendapat daripada para tokoh yang lain agar skop kajian yang dilakukan tidak terlalu luas.

1.5.1 Skop Tema.


Dalam kajian ini, pengkaji hanya memfokuskan mengenai isu komunikasi keluarga dan perkembangan sosial dalam era digital. Hal ini kerana, pengkaji tertarik dan melihat bahawa isu ini banyak di bincangkan dalam kalangan masyarakat pada masa kini. Dalam masa yang sama, dalam kajian ini juga telah memfokuskan kanak-kanak dan golongan remaja sebagai subjek utama bagi melihat sejauhmanakah pengaruh perkembangan sosial dalam era digital kepada kehidupan mereka.

1.5.2 Skop Tempat.

Kajian ini dilakukan hanya berfokus kepada kanak-kanak dan golongan remaja di sekitar tempat tinggal pengkaji iaitu Kampung Timbang dan dikaji secara umum. Hal ini kerana, pengkaji melihat bahawa di sekitar tempat tinggal pengkaji segelintir kanak-kanak dan golongan remaja sudah terdedah dengan penggunaan peranti teknologi digital sejak dari kecil lagi dan telah mengakibatkan isu ini timbul.

1.6 KESIMPULAN.

Seiring dengan peredaran waktu, perkembangan revolusi industri 4.0 khususnya dalam bidang teknologi ICT telah membolehkan manusia dari pelusuk dunia berhubung dan berkomunikasi diantara satu sama lain dengan lebih pantas dan di mana sahaja. Seperti yang diketahui komunikasi keluarga mampu membangkan hubungan yang erat diantara ibu bapa dan anak-anak. Namun, kedatangan sistem teknologi lebih-lebih lagi dengan penggunaan media sosial seperti penggunaan internet, *Facebook* dan *Whatsapps* ini dikhabarkan dapat mempengaruhi kestabilan hubungan dalam sebuah keluarga akibat anak-anak yang kini semakin kurang berkomunikasi dengan ibu bapa. Yang mana dalam hal ini ibu bapa merupakan orang yang paling bertanggungjawab untuk menangani perubahan hubungan dalam ahli keluarga terutama ketika berkomunikasi bersama anak-anak, kerana kini anak-anak lebih mengutamakan media sosial dan teknologi. Bukan itu sahaja, ibu bapa juga perlu bertanggungjawab terhadap risiko dan ancaman siber yang ditanggung oleh anak-anak serta sentiasa berusaha mengajar anak-anak supaya menggunakan kecanggihan teknologi yang sedia ada dengan sebaiknya.



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

BAB 2:

SOROTAN LITERATUR.

2.1 PENGENALAN.

Dalam bab ini pengkaji akan menerangkan sorotan literatur mengenai kajian-kajian yang berkaitan dengan komunikasi keluarga dan perkembangan sosial dalam era digital. Yang mana di dalam bab ini pengkaji akan membahaskan perkara ini dengan lebih mendalam berdasarkan teori dan kajian-kajian lepas bagi menguatkan segala pernyataan yang dikemukakan.

2.2 SEJARAH PERKEMBANGAN TEORI.

Di dalam bab ini pengkaji telah menggunakan teori yang bertajuk *Family Communication Patterns Theory : A Social Cognitive Approach* yang telah ditulis oleh Acab F. Koerner & Mary Anne Fitzpatrick (2006). Yang mana, dalam teori ini banyak menerangkan mengenai konsep kekeluargaan yang bertujuan membina sebuah hubungan yang baik dalam sebuah keluarga.

McLeod & Chaffee (1972,1973) membangunkan model asal pola komunikasi keluarga untuk menggambarkan kecenderungan dalam sebuah keluarga bagi membangun cara yang stabil dan boleh diramal mampu berkomunikasi dengan orang lain. Sebagai penyelidik, McLeod & Chaffee tidak berminat jika komunikasi keluarga dilakukan hanya untuk kepentingan diri sendiri. Sebaliknya mereka mahu menerangkan cara keluarga mencipta dan berkongsi realiti sosial. Secara umum, mereka juga berminta untuk menerangkan cara ibu bapa bersosial bersama kanak-kanak mereka untuk memproses maklumat yang berpunca daripada luar hal keluarga khususnya maklumat dalam bentuk mesej media massa.

Selain itu, McLeod & Chaffee (1972,1973) juga menyatakan bahawa , dalam sebuah keluarga mampu mencapai persetujuan dalam dua cara yang berbeza. Yang pertama ialah, ahli keluarga boleh memberi tumpuan kepada penilaian ahli keluarga yang lain terhadap sesuatu objek dan menerima penilaian tersebut. Dengan kata lain, mereka boleh menyesuaikan diri dengan yang lain menekankan perhubungan antara keluarga. Cara lain untuk mencapai persetujuan juga adalah dengan menumpukan

perhatian pada objek dalam persekitaran serta membincangkan sifat-sifatnya sehingga mendapat persepsi bersama mengenai objek tersebut. Kerana proses ini menekankan bagaimana sebuah keluarga tersebut meneliti sebuah objek untuk memberikan pendapat masing-masing.

Seterusnya, McLeod dan Chaftee (1972) mencadangkan agar setiap keluarga yang berbeza-beza melakukan setiap strategi yang dinyatakan mengikut keutamaan masing-masing bagi mencapai kejayaan. Hal ini kerana, kanak-kanak akan disosialisasikan mengikut tahap masing-masing secara berbeza dalam hal pemprosesan maklumat yang terkandung dalam mesej media. Kanak-kanak juga cenderung menggunakan orientasi sosial bergantung kepada orang lain untuk mentafsir makna yang terkandung dalam mesej media sama ada daripada ibu bapa atau rakan sebaya. Disamping itu, ada juga anak-anak yang cenderung menggunakan orientasi konsep iaitu lebih cenderung dalam penghuraian konsep dan idea yang terkandung dalam mesej untuk menentukan makna. Kedua-dua strategi ini digunakan untuk mencapai kesepakatan dalam sebuah keluarga dan bagi melihat tingkah laku komunikasi yang berbeza-beza.

Menurut McLeod dan Chaffe (1972,1973) juga menyedari bahawa proses yang digunakan oleh keluarga untuk berkongsi realiti sosial telah mempengaruhi tingkah laku dan amalan komunikasi keluarga sepanjang menggunakan strategi ini untuk membina pengukuran tingkah laku yang mendasari pemprosesan maklumat. Seperti yang dirujuk dalam *Family communication patterns (FCP)* ini telah digunakan secara meluas dalam penyelidikan mengenai kesan media. Yang mana pada mulanya, hubungan mengenai komunikais keluarga tidak disedari sehinggalah Fitzpatrick dan rakan sekerjanya mula menggunakan teory ini sebagai intrumen kajian pada 1980 dan awal 1990 dalam penyelidikan komunikasi keluarga.

2.3 TINJAUAN KAJIAN LEPAS.

Menurut Fizpatrick & Ritchie (1994) pendekatan komunikasi sebagai asas perhubungan dalam sebuah keluarga telah bermula sejak dari tahun 1960 dan terus berkembang sehingga kini. Yang mana di dalam komunikasi keluarga ini terbahagi kepada dua pendekatan utama iaitu, pertama memberi penekanan kepada hubungan perkahwinan dan yang kedua adalah hubungan ibu bapa dan anak-anak. Manakala di dalam kajian ini akan memberi fokus mengenai penekanan kedua iaitu hubungan ibu dan anak kerana perkara ini banyak dibincangkan di dalam kajian lepas oleh para penyelidik dan sarjana keluarga di mana perkara ini telah didapati mampu mempengaruhi banyak aspek berkaitan keluarga khususnya kepada perkembangan emosi, mental dan sosial anak-anak.

Komunikasi yang positif telah dikenal pasti berkesan sebagai satu cara yang berkesan dan berfungsi secara baik. Terutamanya apabila kanak-kanak telah meningkat remaja di mana pada ketika itu mereka sudah mulai berupaya untuk membina identiti dan membuat keputusan dengan sendiri. Menurut Barnes & Olson (1985) menyatakan apabila komunikasi diantara ibu bapa dan anak-anak remaja berlangsung dengan baik, hubungan keluarga semakin rapat, wujud hubungan kasih sayang dan seterusnya memudahkan sebarang penyelesaian masalah.

Kajian-kajian lepas juga menunjukkan kepentingan komunikasi dalam sebuah keluarga Patton & Giffin (1981) menyatakan bahawa kepentingan kualiti komunikasi interpersonal mampu mempengaruhi perkembangan sendiri, kesihatan psikologi dan kejayaan mempengaruhi persekitaran. Menurutnya lagi apabila individu dapat berinteraksi dengan berkesan, seseorang itu berupaya membentuk identiti, meningkatkan penghargaan sendiri serta mampu menghadapi realiti kehidupan.

Seperti yang telah dinyatakan oleh pengkaji lepas bahawa semakin hari setiap anak-anak mulai menginjak ke alam remaja. Yang mana pada peringkat ini mereka mulai bertindak balas kepada tuntutan emosi dan autonomi untuk mencari identiti dan penampilan diri sendiri. Dalam menempuh era digital pada masa kini sudah tentu banyak cabaran yang perlu ditempuh oleh setiap ibu bapa untuk mencorak kehidupan setiap anak-anak. Namun ada segelintir ibu bapa yang leka dengan memberikan kepercayaan sepenuhnya kepada kanak-kanak dalam

penggunaan teknologi dalam melayari internet. Menurut Chen & Shi (2019) menyatakan bahawa media elektronik dan internet telah menjadi sebahagian asas dalam kehidupan kanak-kanak dan remaja.

Tanpa disedari penggunaan teknologi internet yang berlebihan telah memberikan impak yang negatif kepada perkembangan sosial kanak-kanak. Menurut Ahmad Fauzi *et al.* (2014) kanak-kanak dan remaja masa kini juga telah mengalami perubahan gaya hidup yang ketara ekoran dari pengaruh teknologi moden dalam kehidupan mereka. Tidak dapat dinafikan bahawa penggunaan pelbagai peralatan moden seperti internet dapat menyediakan persekitaran sosial yang pantas, mudah, dan bebas kepada sesiapa sahaja termasuklah golongan kanak-kanak dan remaja. Namun, aplikasi internet tanpa kawalan telah mengundang kepada ketagihan dalam kalangan penggunaanya yang sebahagiannya adalah dalam kalangan pelajar sekolah.

Ketagihan dalam penggunaan internet ini telah memberikan impak yang negatif terhadap perkembangan sosial kanak-kanak mahupun remaja pada masa kini. Hal ini kerana, menurut Fauziah Hanim (2013) ketagihan penggunaan internet yang berlebihan terhadap kanak-kanak dan remaja ialah boleh menghalang kecergasan interpersonal, iaitu hubungan sesama manusia dan menyebabkan kurangnya komunikasi dengan orang di sekeliling. Seperti menonton televisyen, menggunakan gadget dan perbagai sumber teknologi moden yang lain menyebabkan kanak-kanak dan remaja kurang berinteraksi dengan orang lain sehingga menjadi seorang yang bersikap introvert.

Menurut Small dan Vorgan (2008) menyatakan bahawa anak-anak yang menghabiskan terlalu banyak waktu dengan teknologi sudah pasti kurang berinteraksi dan kurang menunjukkan keterampilan berkomunikasi. Perkara ini berlaku kerana kanak-kanak dan remaja menghabiskan masa dengan menggunakan peralatan teknologi moden secara bersendirian tanpa penglibatan individu lain bersama mereka. Natiujahnya, komunikasi dan aktiviti interaksi sosial mereka dengan orang sekeliling menjadi sangat terbatas, sedangkan kemahiran komunikasi pada usia kanak-kanak sangat penting bagi membangunkan kemahiran sosial mereka seperti memerhati, mendengar, dan berbual dengan orang lain.

Selain itu, hasil kajian daripada Mariani (2011) juga mendapati bahawa tumpuan terlalu lama terhadap internet akan menyebabkan anak-anak lebih suka menyendiri. Kanak-kanak yang telah dibiasakan bermain seorang diri dengan sumber teknologi moden dan kurang terdedah kepada interaksi sosial dalam masyarakat berpotensi untuk menghadapi masalah pertuturan atau 'oral motor'. Keadaan ini berlaku kerana lazimnya bahasa atau percakapan akan tercetus apabila ada ruang untuk berinteraksi bersama orang lain

Vasan (2010) dalam kajiannya turut mengakui bahawa media seperti internet, televisyen, majalah dan surat khabar memberi pengaruh terhadap perkembangan remaja. Hal ini kerana, melalui perbuatan ganas dan aksi tidak bermoral yang dipaparkan melalui media menjadikan jiwa mereka menjadi rakus dan keras. Sehingga aksi tersebut diadaptasikan dalam tingkah laku seharian yang menyebabkan berlakunya masalah dalam konteks hubungan sosial bersama masyarakat sekeliling. Isu pengaruh media yang berunsur agresif ini turut disentuh oleh Azizi, Goh dan Halimah et. al (2014) yang turut menegaskan bahawa media massa menjadi antara punca kegiatan jenayah dalam kalangan kanak-kanak dan remaja.